**ASAL**
**VC025049**

# JADUAL KETIGA

[(subkaedah 5(2)/ *subrule 5(2)* ]

## AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

*WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006*

## KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007

*WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007*

## PERMIT IPA JENIS A/B/C/D/E*

*IPA TYPE A/B/C/D/E* PERMIT*

| | |
|---|---|
| No. Permit:<br>*Permit Number:* | SPAN/EKS/(PT)/800-2C/1/07/180 |
| Nama pemegang permit:<br>*Name of permit holder:* | LOYAL ENGINEERING SDN. BHD. |
| Alamat pemegang permit:<br>*Address of permit holder:* | LEVEL 29.02, TOWER B THE VERTICAL BUSINESS<br>SUITE NO.8, JLN KERINCHI, BANGSAR SOUTH,<br>59200 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR,<br>WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR |
| Tujuan permit:<br>*Purpose of permit:* | PERMIT IPA JENIS C1 (PEMBETUNGAN) |

Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja boleh diusahakan:
*State or states in which the works may be carried out:*

SEMENANJUNG MALAYSIA, WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA DAN LABUAN

| | |
|---|---|
| Permit sah dari:<br>*Permit is valid from:* | 07 JUN 2023 |
| sehingga<br>*to* | 06 JUN 2026 |

Permit tertakluk kepada terma dan syarat yang dilampirkan.
*Permit subject to terms and conditions as attached.*

| | |
|---|---|
| Fi Permit:<br>*Permit fee:* | RM 15000.00 |

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

| | |
|---|---|
| Resit No.:<br>*Receipt No.:* | PO052174 |
| Tarikh pengeluaran/pembaharuan:<br>*Date of issue/renewal* | 12 APRIL 2023 |

**SYARAT-SYARAT STANDARD**

[Subkaedah 7(1) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat standard yang berikut :-

1 Pemegang permit hendaklah menjalankan kerja, dan di dalam negeri atau negeri-negeri yang dinyatakan dalam permit itu sahaja;

2 Pemegang permit hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa perubahan butir-butir pemegang permit;

3 Pemegang permit hendaklah memberikan maklumat, dalam format dan pada lat tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya;

4 Pekerja dan pekhidmat pemegang permit hendaklah dibenarkan untuk menjalankan kerja yang dibenarkan di bawah permit bagi pemegang permit dengan syarat bahawa pemegang permit hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab terhadap smeua tindakan atau peninggalan pekerja dan pekhidmatnya;

5 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa mengekalkan perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan;

6 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa memiliki dan mengekalkan kelayakan untuk memegang permit sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;

7 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa berurusan dengan pengguna secara adil dan munasabah dan jika terpakai, mematuhi standard pengguna;

8 Pemegang permit hendaklah pada setiap masa melindungi keselamatan orang awam dan pekerjanya dan hendaklah pada setiap masa mematuhi tatacara dan peraturan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;

9 Pemegang permit, pekerja dan pekhidmatnya hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak kesihatan yang terpakai yang dikenakan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan;

10 Pemegang permit hendaklah menuruti dan mematuhi syarat permit dan peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta; dan

11 Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

**SYARAT-SYARAT KHAS**

[Subkaedah 7(1)(k) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat khas permit yang berikut :-

1 Pemegang permit perlulah memastikan bahawa mereka sentiasa mempunyai pekerja-pekerja yang berkelayakan bagi menjalankan operasi syarikat.

2 Pemegang permit hendaklah memastikan bahawa kerja-kerja yang disubkan diberikan kepada kontraktor yang merupakan pemegang-pemegang permit yang sah dengan SPAN.

3 Pemegang permit diingatkan untuk memastikan sentiasa mempunyai sijil CIDB yang sah dan hendaklah mengemukakan salinan sijil CIDB kepada SPAN selepas tamat tempoh sah sijil CIDB sedia ada.